

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]**

TARIKH : 11 MAC 2015 (RABU)

SOALAN :

YB Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah dan jenis bantuan banjir yang diberikan kepada Kelantan. Apakah isu-isu utama yang melibatkan bantuan banjir yang dikenal pasti oleh pihak Kerajaan serta berapakah jumlah masjid dan surau yang mengalami kerosakan teruk akibat banjir 2014 di Kelantan dan jumlah bantuan yang diperuntukkan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Jenis bantuan banjir yang diberikan kepada mangsa-mangsa banjir di Kelantan selepas bencana tersebut adalah sama dengan bantuan yang diberi kepada negeri-negeri lain. Untuk negeri Kelantan, bantuan yang diberikan kepada mangsa-mangsa banjir adalah dalam bentuk pemberian wang ihsan, pembinaan rumah kekal baru dan pembaikan rumah.

Untuk pemberian wang ihsan, sehingga 9 Mac 2015, seramai 22,566 orang telah menerima bantuan tersebut sebanyak RM500 seorang dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM11.283 juta. Seramai 47,204 orang lagi dijangka akan menerima bantuan tersebut selewat-lewatnya pada 27 Mac 2015.

Untuk pembinaan rumah kekal baru, sebanyak 1,827 buah rumah akan dibina. Dari jumlah tersebut, setakat 9 Mac 2015, 86 buah rumah kekal baru sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan sementara 198 buah lagi dalam peringkat pra-pembinaan seperti penyediaan tapak menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 284 buah. Adalah disasarkan } slow

pembinaan rumah kekal baru ini akan siap sepenuhnya sebelum bulan Ramadhan tahun ini.

Untuk pemberian bantuan pembinaan rumah kekal baru ini, sebanyak 1,858 permohonan telah diterima. Dari jumlah tersebut, setakat 9 Mac 2015, sebanyak 960 permohonan telah diverifikasi dan disahkan layak dan 898 permohonan sedang melalui proses verifikasi. Daripada jumlah yang telah diverifikasi, 66 buah sedang dalam proses pemberian bantuan.

Antara isu utama yang dikenalpasti dalam pemberian bantuan selepas banjir ialah kesukaran untuk mendapat kebenaran memasuki tapak untuk membina rumah kekal baru dan juga masalah untuk mendapat tanah yang bersesuaian untuk pembinaan rumah tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Kelantan telah memberi komitmen untuk mendapatkan tanah yang bersesuaian dan membuat proses pengambilan balik tanah bagi mempercepatkan pembinaan rumah tersebut. Sebagai contoh, Kerajaan Negeri telah bersetuju menyerahkan tanah seluas 70 ekar di Chenulang, Kuala Kerai untuk dijadikan kawasan penempatan semula.

Berkenaan dengan jumlah masjid dan surau yang mengalami kerosakan akibat banjir, sehingga 11 Februari 2015, sebanyak 183 buah masjid dan 95 buah surau di Kelantan, Pahang, Terengganu dan Perak telah

dikenalpasti mengalami kerosakan. Masjid-masjid dan surau-surau ini telah dijadikan masjid angkat oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) di bawah Program Masjid Angkat (*Mosque to Mosque- M2M*). Program ini bertujuan membantu memulihkan fungsi and mengimarahkan masjid-masjid dan surau-surau berkenaan. Masjid-masjid dan surau-surau tersebut akan dibantu melalui konsep pemadanan dengan 76 buah masjid dan 104 buah surau Jumaat di sekitar Wilayah Persekutuan.

Kaedah bagi pembahagian masjid tersebut kepada masjid angkat masing-masing akan diselaraskan oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama JAWI dan jabatan agama Islam di negeri terbabit. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) juga menyenggara Tabung Ihsan Pemulihan Masjid Kelantan untuk mengutip dana bagi bantuan pasca banjir dan menyelaraskan pengagihan terus sumbangan. Ini adalah untuk memastikan penyampaian bantuan dapat dibuat dengan lebih cepat dan berkesan.

Sekian. Terima kasih.